


Memberi perlindungan

Metro 24/4/2011 MS 2.



>>Oleh **DR MASHITAH IBRAHIM**
metahad@hmetro.com.my

JIKA anak gadis anda belajar di tingkatan empat, ada 33 peratus kemungkinan dia pernah melakukan hubungan seks. Dua daripada tiga pelajar melakukan hubungan seks kerana ingin mencuba dan bersuka-suka, manakala selebihnya kerana mengikut kehendak teman lelaki atau diajak kawan.

Soal selidik membabitkan 2,800 responden berusia 15 hingga 25 tahun yang dijalankan sebuah universiti tempatan dengan portal YouthSays.com

baru-baru ini menunjukkan, 60 peratus gadis remaja Malaysia hilang dara menjelang umur 18 tahun, manakala 24 peratus daripada mereka mengaku pernah melakukan hubungan seks dengan lima kekasih berlainan.

Hasil kajian rambang ini mungkin mengejutkan beberapa pihak, tapi inilah 'reality check'. Kita kena terima hakikat bahawa remaja hari ini mengetahui mengenai seks lebih awal, seawal 10-11

Usah tambah

SEBAGAI kerajaan bertanggungjawab dan anggota masyarakat yang prihatin, kita tidak boleh merasa kecewa atau putus asa. Melalui Kementerian dan agensi berwajib, dasar dan strategi kreatif mesti sentiasa dikaji semula untuk dilaksanakan.

Gejala ini mesti ditangani bukan sekadar satu isu sosial atau kesihatan semata-mata, tapi berkait dengan moral, agama, hak remaja dan wanita, serta pendidikan menyeluruh.

Sangat mudah untuk kita meletakkan segala kesalahan kepada remaja terbabit. Namun remaja itu sebenarnya terhasil daripada norma, budaya dan sistem keluarga dan masyarakatnya.

Ibu bapa dan keluarga bertanggungjawab meletakkan

asas dan mencorakkan peribadi anak. Justeru, adalah tidak wajar masyarakat menghukum mereka jika ibu bapa, keluarga, guru dan sekolah, serta institusi agama sebenarnya gagal melaksanakan tanggungjawab mendidik dan memantau dengan baik. Ini peringat pencegahan.

Gadis remaja yang mengalami trauma perlu mendapat bantuan dan perkhidmatan. Dan tentu tidak adil untuk kita memaksimumkan trauma gadis remaja, padahal sistem dalam masyarakat tidak menyediakan perkhidmatan dan sokongan kepada mereka yang memerlukan bantuan.

Beberapa inisiatif dilaksanakan, antaranya Sekolah Harapan di Melaka, baby hatch di Petaling Jaya,

kepada remaja trauma

Metro 24/4/2011 ms 3.



tahun.

Majoriti memperoleh maklumat daripada teman sebaya atau Internet, dan ada juga mengenali seks melalui pornografi. Sangat sedikit yang mendapat pendedahan awal mengenai seks dengan bertanya ibu bapa atau guru mereka.

Ada teori mengatakan, fenomena ini ada kaitan dengan hakikat bahawa gadis sekarang mencapai akal baligh lebih awal berbanding ibu mereka.

Ada kajian menunjukkan anak gadis mengalami haid lebih awal sehingga tiga bulan setiap 10 tahun. Maksudnya, jika anak gadis pada 1950 mengalami haid sekitar umur 13 tahun, anak gadis hari ini mengalami haid sekitar umur 11 tahun setengah.

Jika dilihat daripada perspektif gejala sosial membabitkan remaja hari ini, terutama kes gadis hamil dan pembuangan bayi, masyarakat dan pihak berkuasa harus memberi respons serius terhadap hasil kajian ini.

Apatah lagi apabila ia mendapati 74 peratus remaja yang melakukan hubungan seks mengaku tidak mengamalkan sebarang perlindungan.

Malah, 83 peratus berkata tidak mengalami apa-apa kesan negatif daripada tindakan mereka. Separuh daripada mereka merasa 'bahagia' kerana pengalaman seks itu.

Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan bilangan 111 kes remaja hamil sepanjang empat bulan pertama pada 2010 berbanding 131 kes sepanjang 2009 dan

107 kes pada 2008. Semua mereka ditempatkan di Rumah Perlindungan Taman Seri Puteri.

Menurut polis, 537 kes pembuangan bayi direkodkan antara 2005 dan Ogos 2010. Ini tidak termasuk kes ibu muda yang membunuh diri berikutan tekanan psikologi kuat atau terbunuh kerana komplikasi kandungan melahirkan anak secara haram.

Secara purata, kita boleh anggarkan kes yang tidak dilaporkan adalah empat atau lima kali ganda bilangan ini.

Apakah pendekatan paling berkesan menangani bencana sosial ini? Berdasarkan bilangan kes yang tidak reda tahun demi tahun, ia memberi gambaran bahawa sebagai usaha dilakukan kerajaan, NGO dan sukarelawan serta kempen media setakat ini tidak berhasil. Adakah tenaga, masa dan wang ringgit yang dicurahkan selama ini sia-sia?

Sekali pandang, nampaknya begitu. Namun kita faham bahawa tugas membanteras bencana sosial ini mesti konsisten dan berterusan.

Ini tanggungjawab kerajaan, masyarakat, keluarga, pihak sekolah, NGO dan badan sukarela yang tiada penghujung selagi masalah ini wujud.

Sebagaimana masalah pelacuran, dadah dan gangsterisme tidak pernah terbanteras sepenuhnya walaupun apa tindakan undang-undang, sosial, pendidikan, kerahan tenaga dan kewangan yang digunakan.

tekanan mangsa

kempen media berterusan dan pelbagai program agama.

Saya tidak percaya kita menemui jalan buntu. Namun statistik yang diperoleh daripada kajian ini bukan saja menyedihkan, malah menggerunkan.

Kira-kira 30 peratus remaja berkata, mereka memikirkan seks setiap hari dan 50 peratus tidak pasti mereka mempunyai pengetahuan cukup mengenai seks sebelum mengadakan hubungan jantina.

Keadaan ini menuntut perhatian serius dan usaha berterusan pelbagai pihak, termasuk kerajaan, agensi dan jabatan, NGO dan badan sukarela, polis, sekolah dan universiti, pengurusan surau dan masjid, pihak media dan ibu bapa.

Di Lembah Klang saja, ada puluhan rumah perlindungan

dan pusat bimbingan yang menampung remaja hamil pelbagai kaum dan agama.

Ada tanggapan bahawa rumah perlindungan sebegini menggalakkan lagi kes zina dan menambah bilangan bayi luar nikah.

Kita boleh berdebat berhari-hari atas tajuk ini. Namun bagi saya, apa yang dilakukan mereka menepati tiga komponen amal jariah yang wajib dilaksanakan setiap umat Islam iaitu pembangunan ilmu, fizikal dan rohani.

Ingatlah pesanan Nabi SAW. Ibn Umar berkata bahawa Rasulullah bersabda, yang bermaksud: "Sesiapa yang mengabaikan anaknya dan mencelanya di dunia ini, Allah Yang Maha Suci dan Maha Tinggi akan membongkar cacat celanya pada hari Kiamat di depan saksi sebagai balasan setimpal."

Abu Hurairah juga meriwayatkan: "Bahawasanya Rasulullah SAW mencium Husin bin Ali (cucu baginda), maka berkatalah Al-Aqra' bin Habbas: "Sesungguhnya bagiku ada sepuluh anak tetapi aku tidak pernah mencium satu pun daripada mereka." Maka bersabdalah baginda: "Barang siapa tidak merahmati, dia tidak dirahmati."

Hadis ini menceritakan bagaimana Rasulullah SAW menegur sikap seorang sahabat yang tidak pernah menzahirkan kasih sayang terhadap anaknya. Baginda mengingatkan, barangsiapa tidak merahmati atau mengasihi, maka Allah SWT tidak merahmatinya.

Baginda menyarankan umatnya supaya mengasihi zuriat masing-masing dan bergaul mesra dengan mereka supaya ikatan kekeluargaan yang kukuh terbina.

